

mTouche bakal lancar One Krypto

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Penyedia penyelesaian teknologi maklumat (IT) tempatan, mTouche Technology Bhd. (mTouche), bakal memperkenalkan aplikasi One Krypto secara berperingkat bermula suku keempat tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mTouche, Zakhir Mohamed berkata, One Krypto adalah aplikasi komunikasi menggunakan sistem enkripsi dengan ciri-ciri keselamatan yang sekaligus menjadikannya unik.

Katanya, aplikasi berkenan akan dilancarkan dengan khidmat pesanan ringkas (SMS) dahulu dan akan diikuti ciri-ciri lain seperti bual bicara, emel dan video dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

Beliau mengakui permintaan terhadap aplikasi yang mempunyai aspek keselamatan ketat pada hari ini menjadi keutamaan khususnya dalam kalangan syarikat korporat dan pemain industri di negara ini.

"Kami faham akan keperluan mereka ini termasuk yang bekerja



Amat bahaya sekiranya mereka tidak melindungi telefon pintar mahu pun aplikasi yang sedang digunakan kerana aktiviti penggodaman boleh dilakukan pada bila-bila masa

ZAKHIR MOHAMED
CEO Kumpulan mTouche

dengan pihak kerajaan dan kedua-dua kerana kadang-kala mereka menggunakan peranti mudah alih untuk membincangkan maklumat sulit.

"Walau bagaimanapun, amat bahaya sekiranya mereka tidak melindungi telefon pintar mahu pun aplikasi yang sedang digunakan kerana aktiviti penggodaman boleh dilakukan pada bila-bila masa," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sejak mTouche beroperasi pada 2004, sebanyak tujuh aplikasi sudah dipasarkan dan kira-kira 30 platform serta kandungan IT

diperkenalkan.

Selain Malaysia ujar beliau, mTouche turut mempunyai pejabat operasi di Singapura, Indonesia, Thailand, Kemboja, Vietnam dan Hong Kong.

"Kami merancang untuk memperkenalkan One Krypto di enam negara berkenaan tetapi banyak perkara perlu diberi perhatian sebelum dilancarkan di sana.

"Ini kerana setiap negara mempunyai undang-undang telekomunikasi tersendiri dan kami perlu berbincang dengan penasihat undang-undang mereka terlebih dahulu," katanya.

Teraju bantu pemenang Superb

Oleh **AZIZI MAJID**
ekonomi@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 14 Ogos - Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dengan kerjasama 11 agensi kerajaan akan menyediakan program pembangunan perniagaan memastikan pemenang program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (Superb) dapat mengembangkan perniagaan masing-masing.

Pengarah Program Koridor Ekonominya, Bestari Abrar Nasiruddin berkata, agensi yang terlibat ialah Cradle Fund Sdn. Bhd. (CFSB), Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., SME Bank Berhad, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) serta Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC).

Turut terlibat sama Perbadanan Pem-



redbox
by AIRASIA

AHMAD Sh
di Kuala Lu

AirA

Oleh **ZUNA**
ekonomi@ut

KUALA LU
Bhd. (Air/
untuk me
bang, seb
nakan ker
ada bagi
matan kur

Ketua
Kumpulan
Fernandes
dengan ke
nerusi 160
ya untuk
kurier tert
sehingga
servis kuri

Katany
khidmat
menyasar